

PEMIKIRAN KONSEP AKAL BUDI DALAM CERITA RAJA SIAM TERKENA TUBA BUNIAN: SATU PENDEKATAN FIRASAT

Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan
Jabatan Pengajian Warisan, Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Kampus
Bachok, Beg Berkunci No. 1, 16300, Kelantan.
Email: sitinurulsuhadahadnan@gmail.com

Mohd Firdaus Che Yaacob
Jabatan Pengajian Warisan, Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Kampus
Bachok, Beg Berkunci No. 1, 16300, Kelantan.
Email: firdaus.cy@umk.edu.my

ABSTRAK

Cerita rakyat merupakan rangkuman kisah masyarakat yang banyak memberi nasihat serta tauladan. Menurut Mohd Nazri Abdul Rahman et, al. (2021) cerita rakyat ialah rekaan yang dibuat khusus untuk mendidik akhlak dan keperibadian manusia. Hal ini kerana masyarakat dahulu menekankan disiplin dalam tatatertib dan percakapan lisan antara komuniti mereka. Sikap itu dikekalkan daripada satu generasi kepada generasi yang lain. Walau bagaimanapun, keperluan masyarakat mulai berubah mengikut arus semasa. Hal ini membuatkan kebudayaan Melayu termasuklah cerita rakyat kian dilupakan. Masyarakat menganggap cerita rakyat adalah kebudayaan yang tidak sesuai lagi diketengahkan kerana gaya penyampaiannya secara lisan semata-mata. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti dan menganalisis pemikiran konsep akal budi dalam cerita *Raja Siam Terkena Tuba Bunian*. Kajian ini membataskan sebuah cerita rakyat yang diperolehi di Bachok, Kelantan iaitu *Raja Siam Terkena Tuba Bunian*. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan lapangan bagi mendapatkan maklumat yang sahih. Selain itu, kajian ini menggunakan teori pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan firasat sebagai deduktif yang mampan. Hasilnya, kajian ini mendapati cerita rakyat masih memiliki peranan untuk mendidik masyarakat walaupun gaya penyampaiannya telah berubah mengikut arus semasa.

Kata Kunci: Cerita Rakyat, Akal Budi, Bachok, Pendekatan Firasat

1. Pengenalan

Cerita rakyat merupakan himpunan kisah yang disampaikan oleh rakyat jelata pada waktu lapang. Cerita rakyat dijadikan perantaraan dalam kalangan rakyat untuk saling menasihati antara satu sama lain (Mohd Nazri Abdul Rahman et, al. (2021). Hal ini dikatakan demikian kerana kandungan dalam cerita rakyat menekankan tatasusila yang mulia. Oleh itu, cerita rakyat dijadikan panduan utama bagi memperbaiki akhlak anak-anak muda. Penyataan ini disokong oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah et, al. (2021) cerita rakyat ialah sebuah idea kreatif yang dihasilkan oleh rakyat jelata bagi mendidik anak-anak. Pada zaman dahulu pendidikan berbentuk formal masih belum wujud. Oleh itu, cerita rakyat dijadikan sebagai bahan bagi mendidik perilaku anak-anak Melayu pada ketika itu. Cerita rakyat yang disampaikan lebih menekankan adab, kepercayaan dan pegangan masyarakat pada zaman dahulu kala.

Akal budi ditakrifkan sebagai satu tingkah laku yang mencerminkan ketinggian pemikiran dalam sesebuah bangsa. Akal budi mementingkan perilaku yang baik dan bijak dalam menyelesaikan isu (Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob, 2020). Individu yang mampu menyelesaikan isu dengan bijaksana dan mampu menghormati hak saksama manusia dianggap memiliki kreadibiliti yang tinggi. Oleh itu, komuniti lebih menghormati individu tersebut dibandingkan dengan individu yang mengeksploitasi hak manusia lain. Kenyataan ini disokong oleh Albert Rifunus (2017) yang menyifatkan akal budi ialah satu pancaran didikan yang berteraskan pemikiran matang dalam menangani isu atau masalah. Setiap tindakan individu haruslah memiliki kesinambungan antara menasihati

komuniti dengan memberi tunjuk ajar. Kesannya, masalah komuniti mampu ditangani dengan baik dan memberi manfaat kepada semua pihak.

2. Sorotan Kajian Lepas

Pada bahagian sorotan kajian lepas, pengkaji telah meneliti beberapa kajian lepas yang berfokuskan kepada cerita rakyat. Antaranya ialah *Animasi Cerita Bangsawan Puteri Saadong: Adaptasi Teks dan Persembahan* oleh Nur Yuhanis Mohd. Nasir et, al. (2016). Cerita rakyat merupakan kisah sejarah dahulu yang sering disampaikan oleh penglipur lara. Hal ini bertujuan supaya kisah nenek moyang mampu dikekalkan dalam kalangan masyarakat. Kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti dan membincangkan animasi cerita bangsawan Puteri Saadong menerusi adaptasi teks dan persembahan. Kajian ini membataskan sebuah cerita rakyat bertajuk *Puteri Saadong*. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif iaitu berdasarkan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Hasilnya, kajian ini mendapati proses adaptasi teks kepada persembahan mempunyai beberapa faktor penting yang perlu diikuti agar kefahaman menyeluruh mampu disampaikan.

Selain itu, kajian yang bertajuk *Unsur Spiritual dalam Cerita Lisan Melayu* oleh Siti Aishah Jusoh et, al. (2021). Kajian ini menekankan cerita rakyat ialah sebuah warisan lisan yang memiliki daya tarikan tersendiri kerana mampu menasihati masyarakat dengan bahasa yang sopan. Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti dan menganalisis unsur spiritual dalam cerita lisan Melayu. Kajian ini membataskan 12 buah cerita lisan yang dipilih daripada teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat di Malaysia*. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif iaitu berdasarkan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Hasilnya, kajian ini mendapati unsur spiritual mendidik anak-anak muda untuk menerapkan sikap tawakal agar tidak terpesong daripada ilmu agama.

Seterusnya, Muhammad Irfan Waquiuddin Hasanudin & Muhd Norizam Jamian (2021) dalam kajiannya iaitu *Struktur Naratologi dan Citra Ibu dalam Cerita Legenda Si Tenggang, Si Malin Kundang dan Nakhoda Manis*. Cerita legenda terkenal kerana banyak memaparkan cerita sejarah penempatan. Cerita legenda sering dijadikan asas jati diri kepada masyarakat setempat. Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti dan menganalisis struktur naratologi citra ibu dalam cerita legenda. Kajian ini membataskan tiga buah cerita legenda iaitu *Si Tenggang, Si Maling Kundang dan Nakhoda Manis*. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif iaitu berdasarkan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Hasilnya, kajian ini mendapati kasih sayang ibu terhadap anaknya digambarkan secara jelas dalam cerita legenda.

Di samping itu, kajian yang dilakukan oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah et, al. (2021) memaparkan tentang *Polemik dalam Cerita Rakyat Sebagai Medium Pendidikan Moral Kepada Kanak-Kanak*. Cerita rakyat merupakan suatu khazanah yang disampaikan secara turun-temurun bagi tujuan menasihati masyarakat setempat. Kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti dan menganalisis polemik dalam cerita rakyat sebagai medium pendidikan moral. Kajian ini membataskan enam buah cerita dalam teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat di Malaysia* iaitu *Puteri Sejinjang Dan Puteri Santubong, Menuntut Bela, Kapak Emas, Melanggar Janji, Bawang Merah Bawang Putih dan Pemburu Yang Tidak Tahu Bersyukur*. Oleh itu, kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif iaitu berdasarkan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Hasilnya, kajian ini menemukan beberapa unsur polemik yang dilihat mampu mendidik moral kanak-kanak agar sentiasa memiliki daya saing yang tinggi.

Sementara itu, kajian yang bertajuk *Nilai-Nilai Murni dalam Cerita Legenda di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2022). Cerita legenda merupakan sebuah karya sastra yang menekankan sejarah tempat atau tokoh yang berwibawa. Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti dan membincangkan nilai-nilai murni dalam cerita legenda di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. Oleh itu, kajian ini membataskan cerita legenda yang ditemui di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif iaitu berlandaskan kaedah kepustakaan dan lapangan. Secara kesimpulannya, kajian ini mendapati terdapat nilai-nilai murni yang mencerminkan identiti masyarakat Melayu diselitkan dalam cerita legenda di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan.

3. Penyataan Masalah

Melalui penelitian awal, pengkaji mendapati terdapat kelompangan yang wujud dalam pengkajian terdahulu. Antara kajian lepas yang diteliti ialah *Animasi Cerita Bangsawan Puteri Saadong: Adaptasi Teks dan Persembahan* oleh Nur Yuhanis Mohd. Nasir et, al. (2016), *Unsur Spiritual dalam Cerita Lisan Melayu* oleh Siti Aishah Jusoh et, al. (2021), *Struktur Naratologi dan Citra Ibu dalam Cerita Legenda Si Tenggang, Si Malin Kundang dan Nakhoda Manis* oleh Muhammad Irfan Waquiuddin Hasanudin & Muhd Norizam Jamian (2021), *Polemik dalam Cerita Rakyat Sebagai Medium Pendidikan Moral Kepada Kanak-Kanak* oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah et, al. (2021) dan *Nilai-Nilai Murni dalam Cerita Legenda di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2022).

Melalui pengkajian-pengkajian ini, pengkaji mendapati terdapat kelompangan daripada aspek akal budi. Hal ini kerana sarjana terdahulu kurang menitikberatkan aspek akal budi. Para sarjana lebih menekankan aspek nilai Islam, unsur spiritual, nilai murni dan animasi semata-mata. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi memartabatkan kembali konsep akal budi dalam cerita rakyat di Bachok, Kelantan. Hal ini kerana pengkaji yakin dengan pengkajian yang sistematik mampu mengekalkan bentuk penyampaian cerita rakyat dalam masyarakat pada hari ini. Justeru itu, penerapan akal budi dalam cerita rakyat berpotensi membendung masalah sosial yang sering kali terjadi dalam kalangan remaja.

4. Batasan Kajian

Pada bahagian ini, pengkaji membataskan untuk meneliti cerita rakyat di Bachok, Kelantan. Pengkaji akan meneliti sebuah cerita rakyat yang dipilih iaitu *Raja Siam Terkena Tuba Bunian*. Pengkaji memperoleh cerita rakyat ini melalui hasil temu bual bersama Encik Mohd Rawi Jusoh di Kampung Rusa, Bachok, Kelantan. Gaya penyampaian yang bersahaja serta berpengetahuan luas membuatkan pengkaji memilih Encik Mohd Rawi Jusoh sebagai penglipur lara. Di samping itu, pengkaji menggunakan teori pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan firasat oleh Hashim Awang (1989) bagi memperkukuhkan analisis kajian. Pendekatan firasat ini diambil kerana mencerminkan kearifan pemikiran masyarakat Melayu.

5. Metodologi Kajian

Pengkaji menggunakan reka bentuk kualitatif iaitu berdasarkan kaedah kepustakaan dan lapangan. Kaedah kepustakaan merupakan satu bentuk penelitian terhadap bahan ilmiah. Antara bahan ilmiah yang diteliti ialah jurnal, buku, tesis, kamus dan sumber internet. Bahan-bahan ilmiah ini diperoleh di Perpustakaan Awam Negeri Kelantan, Perpustakaan Awam Negeri Terengganu, Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan, Perpustakaan Universiti

Sultan Zainal Abidin, Perpustakaan Raja Tun Uda Shah Alam dan Perpustakaan Universiti Malaysia Terengganu.

Selain itu, pengkaji menggunakan kaedah lapangan bagi mengumpul data. Pengkaji menggunakan kerangka folklore oleh Dundes (1965) bagi mendapatkan cerita rakyat yang fleksibel dengan objektif kajian. Kerangka folklore ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu pengenaltastian, pengumpulan data dan analisis data. Pada peringkat pengenaltastian, pengkaji telah bertemu dengan ketua mukim untuk mendapatkan maklumat penglipur lara di sekitar Bachok, Kelantan. Pada peringkat ini, ketua mukim telah mencadangkan kepada pengkaji agar menemui Encik Mohd Rawi Jusoh di Kampung Rusa, Bachok, Kelantan. Maklumat ini penting bagi membolehkan pengkaji mengetahui latar belakang penglipur lara sebelum proses pengumpulan data dijalankan.

Seterusnya, di peringkat pengumpulan data, pengkaji telah menemui Encik Mohd Rawi Jusoh bagi mewujudkan hubungan kerjasama yang baik. Melalui hubungan yang baik, pengkaji mampu berbincang tentang tarikh dan masa yang bersesuaian untuk menjalankan proses rakaman temu bual dengan penglipur lara. Pengkaji mampu mengumpul cerita rakyat yang berkualiti ketika proses temu bual bersama-sama Encik Mohd Rawi Jusoh. Proses temu bual dijalankan pada 1 April 2020 tepat jam 10.45 pagi selama dua jam di Kampung Rusa, Bachok, Kelantan. Proses temu bual dijalankan seramai lima orang pengkaji bagi memperoleh maklumat yang sahih. Rentetan itu, pengkaji mampu menyelaraskan proses pengumpulan data secara bersistematik.

Pada peringkat analisis data, pengkaji telah menganalisis konsep akal budi yang terkandung dalam cerita rakyat di Bachok, Kelantan. Konsep akal budi dalam cerita rakyat di Bachok, Kelantan dianalisis secara terperinci melalui pendapat para sarjana. Selain itu, pengkaji mengaplikasikan teori pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989) menerusi pendekatan firasat. Pendekatan firasat dilihat mampu menjelaskan konsep akal budi dalam cerita rakyat di Bachok, Kelantan secara terperinci. *Raja Siam Terkena Tuba Bunian* antara cerita yang diperoleh melalui proses temu bual di Bachok, Kelantan. Melalui kaedah yang digariskan, kajian ini dilihat berpotensi untuk dijadikan bahan bacaan ilmiah selain mengekalkan warisan cerita rakyat Melayu dalam kalangan kanak-kanak dan remaja.

6. Teori Pengkaedahan Melayu

Teori pengkaedahan Melayu diilhamkan oleh Hashim Awang (1989). Teori ini mempamerkan tatacara hidup yang rukun dan sejahtera diamalkan oleh masyarakat Melayu. Setiap tatacara hidup yang diamalkan berdasarkan Al-Quran dan hadis. Hal ini membuatkan masyarakat lebih optimis dalam usaha mencapai matlamat hidup. Pengarang juga menggabungkan idea kreatif dan adat resam masyarakat Melayu agar selari dengan kepercayaan tempatan. Melalui pendekatan firasat, kesusasteraan dianggap sebagai suatu kejadian yang sering terjadi kepada alam semula jadi (Hashim Awang, 2002). Hal ini memperkukuhkan lagi kepercayaan dan pengalaman hidup masyarakat Melayu yang terkenal dengan budi bahasa. Walau bagaimanapun, pengalaman hidup terjadi menerusi pengalaman seseorang individu yang hasilkan karya sastera. Pengalaman hidup ini terdorong dengan adanya sebuah mimpi. Namun, mimpi itu masih menjadi sebuah tanda misteri dalam diri individu terbabit menjalani kehidupan seharian. Kesannya, mimpi yang disandarkan itu menjadi sebuah matlamat yang jelas sekaligus membuatkan pengamalinya memiliki jati diri dan wawasan.

7. Konsep Akal Budi dalam Cerita *Raja Siam Terkena Tuba Bunian*

Pada bahagian analisis, pengkaji mendapati terdapat beberapa konsep akal budi yang ditemui dalam cerita *Raja Siam Terkena Tuba Bunian*. Antara konsep akal budi ialah bijaksana, taat setia dan kesopanan.

Akal budi merupakan sesuatu perbuatan yang menampilkan individu berfikiran matang untuk menangani masalah sosial komuniti (Albert Rifunus, 2017). Individu yang memiliki akal budi akan cenderung untuk sentiasa bersikap kompetitif dan berdaya saing. Hal ini kerana individu tersebut giat dalam usaha untuk menangani masalah mengikut akal fikiran yang rasional. Kenyataan ini disokong oleh Mohd Nazri Abdul Rahman et, al. (2021) mentakrifkan akal budi ialah satu bentuk pemikiran yang mampu membezakan kebenaran atau kesalahan. Hal ini dilakukan supaya tiada kesalahan dalam memberikan hukuman kepada masyarakat. oleh itu, keadilan yang sama rata diperlukan agar masyarakat mampu menghargai undang-undang dengan hati nurani.

7.1 Konsep Akal Budi Melalui Sikap Bijaksana

Sikap bijaksana merupakan sebuah pemikiran yang arif dalam mengatur perbuatan (Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah et, al., 2021). Setiap perbuatan diatur secara berhemah dan mengutamakan perhubungan sosial dalam komuniti. Melalui sikap bijaksana, seseorang individu itu mampu seimbangkan antara pekerjaan dengan masalah sosial yang dihadapi. Kenyataan ini disokong oleh Muhammad Irfan Waquiuddin Hasanudin & Muhd Norizam Jamian (2021) yang mendefinisikan sikap bijaksana ialah kecerdikan seseorang dalam menangani masalah atau isu semasa. Hal ini kerana individu tersebut memiliki pelbagai cara untuk menangani masalah tersebut. Daya kreatif yang dimiliki membuatkan masalah rumit mampu ditangani secara berhemah.

Sikap bijaksana mampu dilihat dalam tajuk cerita *Raja Siam Terkena Tuba Bunian*. Sikap ini dijelaskan seperti petikan di bawah:

Petikan 1

Hikayat menceritakan pada zaman dahulu di sebuah negeri dikenali sebagai Bangkok. Negeri ini dikuasai oleh seorang raja yang bijak dalam mengatur strategi peperangan dan penaklukan negeri-negeri lain.

(Mohd Rawi Jusoh, Temu Bual Peribadi, April, 1, 2020)

Melalui petikan 1, sikap bijaksana mampu dilihat pada watak Raja Siam. Hal ini kerana Raja Siam mampu mengatur strategi peperangan dalam negerinya. Kebijaksanaan Raja Siam membuatkan tanah takhlukannya menjadi banyak. Secara tidak langsung, negeri takhlukannya mulai tunduk pada pemerintahan Raja Siam. Hal ini disebabkan kekuasaan dan pengaruh yang dimiliki oleh Raja Siam.

Selain itu, sikap bijaksana juga dijelaskan dalam cerita *Raja Siam terkena Tuba Bunian*. Sikap ini dinyatakan seperti petikan di bawah:

Petikan 2

“Mohon ampun tuanku, adapun pada perkiraan patik terdapat seorang puteri berada di Negeri Kilatan. Puteri itu tinggal di satu bukit dikenali sebagai Bukit Marak. Ramai putera raja cuba mendekati kerana kecantikkan yang ada padanya tuanku namun masih juga tiada yang memperolehnya tuanku.” Jawab pawang ketujuh. Raja Siam merasa

gembira lalu mengarahkan para pawang untuk meneliti calon permaisuri baginda yang berada di Negeri Kilatan itu.

(Mohd Rawi Jusoh, Temu Bual Peribadi, April, 1, 2020)

Berdasarkan petikan di atas, sikap bijaksana mampu dilihat pada watak pawang ketujuh. Hal ini berpunca daripada Raja Siam yang sunyi tanpa kehadiran permaisuri di singgahsana. Raja Siam telah mengumpulkan tujuh orang pawang diraja untuk mencari permaisuri kepada baginda. Namun, enam pawang tidak dapat menemui calon yang sesuai dengan keinginan Raja Siam. Pawang ketujuh memberikan idea untuk sang raja meminang seorang puteri yang tinggal di Bukit Marak. Hal ini kerana kecantikan puteri tersebut tiada tandingan dan belum ada putera mampu memilikinya. Calon permaisuri sebegini dianggap sebagai keberuntungan kepada Raja Siam pada ketika itu.

Pengaplikasian teori pengkaedahan Melayu melalui pendekatan firasat oleh Hashim Awang (2002). Pendekatan ini menjelaskan bagaimana watak utama dalam cerita di atas memanfaatkan keinginannya untuk mencapai matlamat hidup. Keinginan yang kuat mendorong watak utama menggunakan pelbagai cara untuk mencapai tujuan utama hidupnya. Hal ini secara tidak langsung menggerakkan usaha yang maksimum oleh watak utama untuk mencapai kejayaan. Hasilnya, kejayaan yang berpanjangan mampu dikecapi oleh watak utama.

7.2 Konsep Akal Budi Melalui Sikap Taat Setia

Sikap taat setia merupakan satu tindakan seseorang yang tidak mengkhianati kawan, bangsa atau negara (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2022). Hal ini kerana seseorang itu sentiasa menanam sifat jujur dalam diri. Kata-kata yang diutarakan adalah benar dan mampu dipercayai oleh komuniti. Oleh itu, individu ini akan berpegang kepada prinsip yang mementingkan ketulusan hati dalam perbuatannya. Pernyataan ini disokong oleh Nur Yuhanis Mohd. Nasir et, al. (2016) yang menyifatkan sikap taat setia ialah sebuah kepatuhan yang tinggi dimiliki oleh seseorang individu. Hal ini kerana individu tersebut telah melafazkan ikrar atau janji kepada pemimpin atau ketua organisasi untuk tidak berbuat kianat. Melalui ikrar yang dilafazkan, individu tersebut bersedia menjaga kehormatan dan maruah pemimpin atau ketua organisasi.

Sikap taat setia mampu dilihat dalam tajuk cerita *Raja Siam Terkena Tuba Bunian*. Sikap ini jelas diperincikan dalam petikan di bawah:

Petikan 3

Raja Siam ini mempunyai ramai hulubalang, askar, serta pembesar yang setia kepada baginda pada ketika itu.

(Mohd Rawi Jusoh, Temu Bual Peribadi, April, 1, 2020)

Melalui petikan di atas, sikap taat setia mampu dilihat pada watak pegawai istana Raja Siam. Pegawai istana terdiri daripada para hulubalang, askar dan pembesar. Masing-masing meletakkan kesetiaan kepada Raja Siam. Melalui ketaatan ini, Raja Siam mampu melakukan proses takhlukan dengan jayanya. Hal ini kerana pegawai istana bersumpah untuk setia dan mempertaruhkan nyawa demi negeri tersebut. Sumpah dan janji pegawai istana membuatkan Raja Siam bebas dalam menawan negeri di sekitarnya.

Pengaplikasian teori pengkaedahan Melayu melalui pendekatan firasat oleh Hashim Awang (2002). Pendekatan firasat menekankan mimpi yang misteri menjadi dasar utama dalam memperkukuhkan hasil karya sastera. Melalui cerita di atas, penglipur lara mempamerkan perasaan setia yang dimiliki oleh orang bawahan terhadap pemimpinnya. Hal ini kerana seorang pemimpin akan meletakkan sedikit rasa curiga kepada orang bawahannya. Hal ini

disebabkan bimbang orang bawahan akan mengkhianati kepimpinannya. Oleh itu, pemimpin akan memperkukuhkan strategi organisasi agar bawahannya tidak berubah fikiran. Melalui kepimpinan yang kukuh, sikap curiga itu mampu diatasi dengan cara pemimpin meletakkan sepenuh kepercayaan dan memberi penghargaan kepada orang bawahan. Secara tidak langsung, matlamat organisasi mampu dicapai tanpa ada unsur kianat.

7.3 Konsep Akal Budi Melalui Sikap Kesopanan

Sikap kesopanan merupakan satu perbuatan seseorang dalam menghormati pendapat atau tindakan orang lain tanpa perlu mengasari mereka (Siti Aishah Jusoh et, al. (2021). Sikap kesopanan ini memperlihatkan cara individu dalam menjaga tutur kata atau perlakuan agar tidak mengecilkan hati orang lain. Sikap ini memperlihatkan keterampilan dan intergriti individu tersebut dalam menangani masalah atau keadaan rumit. Pernyataan ini disokong oleh Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) yang menekankan sikap kesopanan adalah tindakan seseorang yang mampu memahami etika sosial apabila berhadapan dengan keputusan tidak terduga. Sikap ini memaparkan individu tersebut mampu beradaptasi dan menerima secara terbuka akan pendapat atau pandangan orang lain. Individu itu tidak akan meluahkan emosi negatif apabila berlaku pertentangan pendapat atau tindakan individu lain. Hal ini memperlihatkan individu itu mampu memberi rasa hormat kepada orang lain.

Sikap kesopanan ini mampu diteliti dalam tajuk cerita *Raja Siam Terkena Tuba Bunian*. Sikap ini jelas diterangkan seperti dalam petikan di bawah:

Petikan 4

Apabila perutusan Raja Siam ini pergi ke Negeri Kilatan yang diperkatakan oleh pawang ketujuh. Perutusan Raja Siam ini telah mengadap Puteri yang dikatakan berada di Bukit Marak. Puteri itu dikenali sebagai Puteri Saadong. Puteri Saadong dikatakan anak kepada Puteri Buluh Bentung. Namun tidak diketahui kesahihan asal usul Puteri Saadong ini. Perutusan Raja Siam memasuki gua yang dikatakan penempatan Puteri Saadong itu. Di dalam gua itu, perutusan Raja Siam menyampaikan hasrat Raja Siam untuk memperisterikan Puteri Saadong.

(Mohd Rawi Jusoh, Temu Bual Peribadi, April, 1, 2020)

Berdasarkan petikan 4, sikap kesopanan mampu dilihat pada watak perutusan Raja Siam. Perutusan Raja Siam dilihat pergi mengadap Puteri Saadong di Bukit Marak. Di Bukit Marak, perutusan ini menyampaikan hasrat Raja Siam yang ingin memperisterikan Puteri Saadong. Namun, Puteri Saadong meminta tempoh masa untuk berfikir tentang hasrat Raja Siam. Hal ini kerana Puteri Saadong bimbang penolakannya memberi impak kepada kedua negeri. Perutusan Raja Siam tidak membantah malah menerima secara terbuka. Hal ini kerana mereka ingin memberi masa kepada Puteri Saadong untuk berfikir terlebih dahulu. Tambahan, sikap ini menandakan perutusan Raja Siam menghormati pendirian Puteri Saadong pada ketika itu.

Pengaplikasian teori pengkaedahan Melayu melalui pendekatan firasat. Pendekatan ini sejajar dengan watak cerita di atas yang memiliki pendirian samar-samar. Melalui pendirian tersebut, watak-watak ini mampu mendidik masyarakat untuk memiliki harapan tersembunyi. Hal ini kerana harapan adalah tunjang utama kepada manusia untuk lebih bermatlamat dalam hidup. Secara tidak langsung, matlamat ini mampu mendorong manusia untuk lebih memiliki keyakinan dengan perbuatan yang akan dilakukan. Tanpa usaha yang gigih dan harapan kecil, maka tiadalah matlamat yang memberi manfaat kepada kehidupan manusia.

8. Kesimpulan

Secara tuntasnya, kajian ini telah memperincikan konsep akal budi dalam cerita rakyat di Bachok, Kelantan. Pengkajian ini mampu membentuk keperibadian mulia dan berintelektual khususnya terhadap kanak-kanak. Hal ini kerana sikap intergriti yang disemai dalam cerita rakyat mampu membentuk jati diri dan personaliti kanak-kanak. Hal ini menyebabkan prinsip-prinsip keadilan sosial mampu diterapkan dalam diri kanak-kanak. Oleh itu, cerita rakyat seharusnya diterapkan dalam kehidupan kanak-kanak agar menjadi seorang manusia yang berwibawa dan cemerlang daripada aspek sahsiah diri. Justeru itu, konsep akal budi dalam cerita rakyat perlu dimartabatkan demi membina kredibiliti kanak-kanak dalam aspek sosial, rohani dan jasmani.

9. Rujukan

- Albert Rifunus. (2017). Nilai-nilai Kepahlawanan dalam Teks Takna' Lawe' daripada Komuniti Kayan di Mendalam: Kajian Semiotik. *Tesis Ijazah Kedoktoran Falsafah*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Dundes, A. (1965). *The Story of Folklore*. Englewood Cliffs, N.J: Prentice-Hall.
- Hashim Awang. (2002). Teori Pengkaedahan Melayu dan Prinsip Penerapannya. *Seminar Bengkel Kajian Teori Sastera Melayu*. Riviera Bay Resort, 20-23 Jun.
- Mohd Nazri Abdul Rahman et, al. (2021). Pedagogi Responsif Budaya Menerusi Cerita Rakyat Untuk Kemahiran Literasi Awal Kanak-Kanak. *Sains Insani*. 6(1), 91-98.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah et, al. (2021). Polemik dalam Cerita Rakyat Sebagai Medium Pendidikan Moral Kepada Kanak-Kanak. *Jurnal Melayu*. 20(2), 194-212.
- Muhammad Irfan Waquiuddin Hasanudin & Muhd Norizam Jamian. (2021). Struktur Naratologi dan Citra Ibu dalam Cerita Legenda Si Tenggang, Si Malin Kundang dan Nakhoda Manis. *Jurnal Melayu*. Isu Khas, 433-453.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2022). Nilai-Nilai Murni dalam Cerita Legenda di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. *Kajian Malaysia*. 40(1), 215-237.
- Mohd Rawi Jusoh. (2020). *Raja Siam Terkena Tuba Bunian*. Kampung Rusa. Temu Bual, 1 April.
- Nur Yuhanis Mohd. Nasir et, al. (2016). Animasi Cerita Bangsawan Puteri Saadong: Adaptasi Teks dan Persembahan. *MANU*. 23, 143-160.
- Siti Aishah Jusoh et, al. (2021). Unsur Spiritual dalam Cerita Lisan Melayu. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*. 12(2), 67-79.
- Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2020). Akal Budi dalam Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu, Kelantan: Satu Penelitan Kemasyarakatan. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*. 11(2), 126-140.